



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Ahad, 25 Disember 2022

1.	Kaji punca ayam mahal
2.	Kurangkan, bukan langsung tidak makan ayam- CAPS
3.	Govt studying need to list imported eggs as controlled items

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.12.2022	Utusan Malaysia	Dalam negeri	1 & 3

Cadangan menteri kurangkan pembelian terlalu mudah, sabotaj penternak yang 'nazak'

Kaji punca ayam mahal

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Cadangan menteri supaya rakyat tidak membeli barang keperluan yang naik harga termasuk ayam tidak akan dapat menyelesaikan masalah bekalan makanan itu.

Ini kerana faktor yang me-

nyumbang kepada kenaikan harga barang yang sedang berlaku ini bukan disebabkan oleh peningkatan permintaan tetapi mungkin berpunca daripada kekurangan bekalan.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (Minda) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan

Ghazali berkata, kenyataan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli agar kenaikan harga dibendung melalui penurunan permintaan adalah kenyataan yang terlalu mudah dan bukannya satu penyelesaian.

Justeru, kata beliau, logik ekonomi amat penting dan diperlukan dalam menangani masalah dan cabaran ekonomi

dalam membentuk polisi dan tindakan yang akan diambil kerajaan.

"Adalah tidak wajar mengharapkan kumpulan berpendapatan rendah bertindak menu runkan permintaan sebagai langkah mengekang kenaikan harga. Intervensi untuk meningkatkan keanjalan permintaan kumpulan berpendapatan ren-

dah? Ini tidak betul dan tidak wajar."

"Penurunan permintaan sebagai langkah mengekang kenaikan harga yang kita alami terlalu mudah. Ia seolah menggambarkan penurunan permintaan adalah antara penyelesaian kenaikan harga.

Bersambung di muka 3

Kaji punca ayam mahal

Dari muka 1

"Dalam kes yang ekstrem, adakah tiada permintaan langsung merupakan langkah efektif membendung kenaikan harga? Ini bukan penyelesaian," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, Rafizi dilaporkan berkata, pengguna perlu berperanan menjadikan pernawaran dan permintaan terhadap barang lebih anjal, termasuk dengan tidak membeli produk yang dijual pada harga lebih mahal berbanding sebelum ini.

Jelas Menteri Ekonomi itu, jika pengguna tidak membeli atau menggunakan produk yang menawarkan harga yang tidak berpatutan, ia akan memberi gambaran kepada peniaga dan pembekal untuk tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barang.

Sebaliknya, Noor Azlan berkata, satu kajian terperinci perlu dilakukan bagi mengetahui punca menyebabkan kenaikan harga, bukannya kesan akibat situasi itu.

"Apakah faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga makanan sejak kebelakangan ini? Pastinya peningkatan harga bukan disebabkan oleh peningkatan permintaan. Permintaan stabil dan tiada lonjakan akibat musim perayaan. Besar kemungkinan ia berpunca daripada kekurangan bekalan."

"Dengan kadar pengeluaran kendiri pengeluaran ayam dan telur ayam mencecah 104 peratus dan 115 peratus, adalah jelas kenaikan harga ayam dan telur ayam adalah berpunca daripada bekalan. Bekalan kurang disebabkan oleh pe-

ngurangan pengeluaran oleh pengeluar tempatan ataupun bekalan dieksport ke pasaran yang lebih menguntungkan," jelas beliau.

Sementara itu, satu sumber industri ternakan ayam daging di wilayah utara yang dihubungi berkata, ayam adalah protein paling murah yang mampu dijadikan hidangan lengkap seisi keluarga sepanjang hari.

Justeru, kata sumber itu, kenyataan meminta agar orang ramai mengurangkan makan ayam bagi merendahkan harga pasar seolah-olah mahu merendahkan lagi taraf rakyat, sedangkan kerajaan tidak menyediakan alternatif lain bagi menggantikan sumber protein selain yang dibekalkan oleh ayam.

"Sepatutnya, sebelum kejadian sensitif itu dikeluaran, kaji dahulu latar belakang

industri.

"Sekilogram ayam, harganya RM9.40. Ayam di pasaran beratnya kira-kira dua kilogram seekor. Dengan saiz sebegini, ia boleh membekalkan protein lengkap bagi seisi keluarga dari pagi sampai malam."

"Misalnya, waktu pagi, bahagian dada ayam boleh dicincang dan dibuat rencah nasi goreng. Kemudian tengah hari, paha dan kepak ayam boleh digoreng dibuat lauk. Waktu malam pula, bahagian atas paha boleh dibuat rencah mi goreng," katanya.

Sumber sama turut memperbaiki kenyataan kerajaan itu dengan bertanya adakah sumber protein itu boleh digantikan dengan ikan, sedangkan harga ikan yang mahal selain tidak boleh dijadikan menu searian seperti ayam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.12.2022	Utusan Malaysia	Dalam negeri	6

Kurangkan, bukan langsung tidak makan ayam - CAPS

KOTA KINABALU: Pertubuhan Hal Ehwal dan Pelindung Pengguna Sabah (CAPS) melihat bekalan dan harga ayam hanya akan stabil dalam tempoh enam bulan lagi.

Timbalan Pengerusi CAPS, Datuk A. Nagaraju berkata, masalah bekalan ayam ini sudah berlanjutan sejak kerajaan sebelum ini maka, tempoh sekurang-kurangnya enam bulan diperlukan bagi menstabilkan rantaian bekalan ayam di pasaran.

“Namun untuk pulih sepenuhnya, ia akan mengambil masa dua tahun dengan menggalkan lebih ramai pengusaha menternak ayam komersial,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* semalam.

Katanya, ketika ini permintaan terhadap bekalan ayam sangat tinggi namun bekalan amat kurang.

“Buat sementara waktu, pengguna boleh kurangkan pengambilan ayam. Bukan tidak boleh makan ayam tetapi kurangkan makan ayam.

“Sementara kerajaan mengenal pasti formula bagi memulihkan rantaian bekalan ayam, pengguna juga harus memainkan peranan bagi mengurangkan pengambilan ayam,” katanya.

Headline	Govt studying need to list imported eggs as controlled items		
MediaTitle	Tamil Malar (Sunday)		
Date	25 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,511



விலை கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருளாக முட்டையை பட்டியலிட ஆலோசனை

நாட்டில் இறக்குமதி செய்யப்பட்ட முட்டை களின் விலை கட்டுப்படுத்தப்படுவதை அறிதில்லை என்றும் வகையில் அவற்றை கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களாகப் பட்டியலிட வேண்டுமதன் அவசியத்தை அனுமதிப்பிடியில் வருவில்லை விலையைப் பற்றியும் உணவு பழக்கப்படுத்துவதை அறிவுசெல்கள் (MAFS) பொதுச்செல்கள் முனிஸிபால் அப்தும் முனிஸிபால் தானு அப்பக்கத்துவன் (KPDN) இந்த விலைத்தைப் பற்றி விவாதித்து வருவதாக கருதார்.

ஈந்த சில மாதங்களாக விரிவோகத்தில் ஏதுபட்ட பிரோக்ராமானதை சொல்கிக் கொள்ளுகின்ற வெளிநாடுகளில் இருந்து முட்டைகள் இறக்குமதி செய்ய முடியும் தான் அவற்று விலையைப் பற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அப்பக்கத்துவமுனிஸிபால் ஒப்புதல் அளித்தது. வெளிநாடுகள் இருந்து கொண்டு வந்தபடி முட்டைகள் ஆணையில் விலையை ஆணால் இதன்மூலம் விரிவோக சிக்கங்கள் சொல்லிற்கு முட்டைகள் உடனடியாக விலைப்பூர்வம் உறுதி சொல்ல முடிந்தது.

இறக்குமதி செய்யப்படும் முட்டைகள் தானாலேயே விலைப்பூர்வம் உறுதி சொல்லுமாக இருப்பது விரிவோகச் சங்கமினை அதிகரித்து வருகிறோம். இதில் விரிவோக மற்றும் தெரிவிக்கப்படு ஆகியவை அடங்கும்.



விரிவோகிக்கப்படும் தேசிய பேரிட் யோசனையை முகவைக்கு (முட்டை) 62,500 உணவு ஏற்றும் முட்டைப் பெட்டுகளை வழங்க பத்திய வேளாண் ஏந்துபடுத்தல் ஆணையம் (பாரா) மேஜுவேண்டன். நூற்றுப்பத்து அல்ல மூன்றில் பார்வையிட்டார்.

பாரிசுவிட்ட மக்களுக்கு உதவுவதில் விரிவோகத்தை அதிகரிக்க வேண்டும் என்ற அரசாங்கத்துவன் விரும்புத்தை இந்த விரிவோகம் பூர்த்தி செய்வதாக ஆவர் கூறினார். முட்டை விரிவோகம் துறையை இருப்பதாக கண்டிர்த்த பகுதிகளுக்கு விரிவோகச் சங்கமினை அதிகரித்து வருகிறோம். இதில் விரிவோக மற்றும் தெரிவிக்கப்படு ஆகியவை அடங்கும்.

நட்சத, தலை, விரிவோகச் சங்க இருப்பதாக உறுதி சொல்லுமாக இருப்பது விலையை அடிப்படையில் (NaMo) மற்றும் மீலசைப் பூர்வத்துக்கொப்பு பண் (MCDF) ஆகியவற்றின் ஒத்துங்கூவையும் உள்ளது. செயல்படுத்துவதாகக் கூறினார்.